

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 APRIL 2016

# RM42 bilion tidak hilang, dakwaan Mahathir tidak betul – Najib

um- 8/4/2016

**KUALA LUMPUR 7 April** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menunjukkan RM42 bilion tidak hilang daripada syarikat itu seperti didakwa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, di samping menunjukkan bahawa dakwaan dibuat oleh Dr. Mahathir itu adalah tidak betul, laporan itu telah mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam struktur modal dan pengurusan 1MDB.

“Kami akan teliti dan bertindak ke atas syor-syor dalam laporan itu.

“Kami akan memastikan pengajaran diambil daripadanya, dan tindakan akan diambil jika terdapat sebarang bukti kesalahan telah dilakukan,” katanya dalam kenyataan bagi mengulas laporan itu, yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Najib berkata, kini sudah jelas bahawa dakwaan dilemparkan Dr. Mahathir terhadap 1MDB didorong oleh kepentingan peribadi, “bukan kepentingan negara, dan hasrat untuk menjatuhkan kerajaan”.

Perdana Menteri berkata, beliau telah mengarahkan Kabinet pada Mac 2015 untuk meminta Ketua Audit Negara menjalankan siasatan bebas ke atas akaun kewangan 1MDB susulan pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap 1MDB, seperti dakwaan Dr. Mahathir bahawa RM42 bilion telah hilang.

“Untuk memastikan ketelusan proses ini, kami juga telah mengarahkan supaya dapatan-dapatan itu dihantar untuk semakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang - sebuah badan dwipartisan yang turut dianggotai anggota Parlimen pembangkang,” katanya.

Najib berkata, selepas melalui proses yang lengkap dan menyeluruh, PAC hari ini mengeluarkan laporan mengandungi dapatan-dapatannya di Parlimen.

“Laporan ini mewakili konsensus oleh anggota PAC, dan dapatan-dapatannya adalah berdasarkan fakta dan beratus-ratus jam menyemak dan menyiasat.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit Negara dan PAC kerana mengeluarkan laporan yang komprehensif, konklusif dan muktamad.

“Selepas membacanya, saya mendapati laporan PAC menunjukkan bahawa RM42 bilion tidak hilang daripada 1MDB, seperti didakwa oleh Tun Mahathir,” katanya.

Najib berkata, kerajaan akan terus memberi tumpuan terhadap “pelan ekonomi dan memperkukuhkan ekonomi - yang terus menunjukkan daya tahan dalam berdepan cabaran-cabaran global”. - BERNAMA

Waktu Solat		MBSB			
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya					
5.54	7.09	1.18	4.24	7.22	8.32
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya					
5.57	7.13	1.23	4.27	7.28	8.38
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya					
5.49	7.05	1.13	4.19	7.16	8.26
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya					
5.47	7.03	1.09	4.18	7.12	8.22
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya					
5.21	6.38	12.44	3.53	6.48	7.57